

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN CHANG LIH KANG [TANJONG MALIM]

SOALAN

TUAN CHANG LIH KANG [TANJONG MALIM] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai nama-nama Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri yang memegang jawatan pengerusi atau ahli lembaga pengarah di agensi kerajaan, IPTA, badan berkanun, perbadanan milik Kerajaan atau syarikat berkaitan Kerajaan (GLC).

JAWAPAN

**YB DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Tuan Yang Di Pertua, pelantikan ke jawatan pengerusi atau ahli lembaga pengarah di agensi kerajaan, IPTA, badan berkanun, perbadanan milik Kerajaan atau syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) termasuk ahli politik dibuat berdasarkan kesesuaian daripada segi kelayakan, pengalaman dan kepakaran seseorang individu. Pelantikan ini dilihat dari sudut kepelbagaian latar belakang dan kepakaran yang bersesuaian (*fit and proper requirements*) bagi memastikan komposisi Lembaga Pengarah yang mantap di samping menggalakkan pelaksanaan polisi keterangkuman (inclusiveness) dan kepelbagaian (diversity) di bawah Malaysian Code of Corporate Governance (MCCG) 2021.
2. Senarai Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri yang memegang jawatan pengerusi atau ahli lembaga pengarah di agensi kerajaan, IPTA, badan berkanun, perbadanan milik Kerajaan atau syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) adalah seperti di **lampiran**.

**SENARAI KEANGGOTAAN AHLI PARLIMEN SEBAGAI ALP BAGI BADAN
BERKANUN/SYARIKAT/YAYASAN DI BAWAH SELIAAN JABATAN PERDANA MENTERI**

SYARIKAT

1. PERBADANAN USAHAWAN NASIONAL BERHAD (PUNB)			
BIL.	NAMA	JAWATAN	PARLIMEN/DUN
1.	YB Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris	Pengerusi	Ahli Parlimen Jerantut (P081)
2. TERAJU BUMIPUTERA CORPORATION			
BIL.	NAMA	JAWATAN	PARLIMEN/DUN
1.	YBhg. Dato' Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof	Pengerusi	Ahli Parlimen Alor Gajah (P135)
3. YAYASAN AMANAH HARTANAH BUMIPUTERA (YAHB)			
BIL.	NAMA	JAWATAN	PARLIMEN/DUN
1.	YAB Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin bin Haji Muhammad Yassin	Pengerusi	Ahli Parlimen Pagoh (P143) ADUN Gambir (N.9)
2.	YB Dato' Sri Mustapa bin Mohamed Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi)	Ahli	Ahli Parlimen Jeli (P030) ADUN Ayer Lanas (N.37)
4. YAYASAN EKUITI NASIONAL (YEN)			
BIL.	NAMA	JAWATAN	PARLIMEN/DUN
1.	YAB Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin bin Haji Muhammad Yassin	Pengerusi	Ahli Parlimen Pagoh (P143) ADUN Gambir (N.9)
2.	YB Dato' Sri Mustapa bin Mohamed Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi)	Ahli	Ahli Parlimen Jeli (P030) ADUN Ayer Lanas (N.37)
3.	YB Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md. Yusof	Ahli	Ahli Parlimen Alor Gajah)

5. YAYASAN PELABURAN BUMIPUTERA (YPB)			
BIL.	NAMA	JAWATAN	PARLIMEN/DUN
1.	YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob	Pengerusi	Ahli Parlimen Bera (P090)
6. YAYASAN PENERAJU PENDIDIKAN BUMIPUTERA (YPPB)			
BIL.	NAMA	JAWATAN	PARLIMEN/DUN
1.	YB Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof	Pengerusi BOT	Ahli Parlimen Alor Gajah (P135)
2.	YB Datuk Seri Dr. Noraini binti Ahmad Menteri Pengajian Tinggi	Ahli	Ahli Parlimen Parit Sulong (P147)
3.	YAB Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin bin Haji Muhammad Yassin	Ahli	Ahli Parlimen Pagoh (P143) ADUN Gambir (N.9)
4.	YB Datuk Seri Mohd Redzuan bin Md Yusof	Ahli	Ahli Parlimen Alor Gajah (P135)

SENARAI KEANGGOTAAN AHLI PARLIMEN SEBAGAI ALP BAGI BADAN BERKANUN/SYARIKAT/YAYASAN DI BAWAH SELIAAN JABATAN PERDANA MENTERI

BADAN BERKANUN

7. KUMPULAN WANG BIASISWA PENGAJIAN TINGGI RAJA-RAJA & YDP-YDP			
BIL.	NAMA	JAWATAN	PARLIMEN/DUN
2.	YAB Dato' Seri Hj. Aminuddin bin Harun Menteri Besar Negeri Sembilan	Pengerusi	ADUN Sikamat (N.13)
3.	YAB Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail Menteri Besar Pahang	Ahli	ADUN Jelai (N.02)
4.	YAB Dato' Haji Saarani bin Mohamad Menteri Besar Perak	Ahli	ADUN Kota Tampan (N.04)
5.	YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari Menteri Besar Selangor	Ahli	ADUN Sungai Tua (N.16)
6.	YAB Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Sulaiman bin Md. Ali Ketua Menteri Melaka	Ahli	ADUN Lendu (N.04)
8. PIHAK BERKUASA PEMBANGUNAN EKONOMI DAN PELABURAN KORIDOR WILAYAH SABAH (SEDIA)			
BIL.	NAMA	JAWATAN	PARLIMEN/DUN
2.	YAB Datuk Seri Panglima Haji Hajiji Haji Noor Ketua Menteri Sabah	Pengerusi	ADUN Sulaiman (N.12)
3.	YB Dato' Sri Bung Moktar bin Radin Timbalan Ketua Menteri I/	Ahli	Ahli Parlimen Kinabatangan (P187) ADUN Lamag (N.58)

NO SOALAN : 90

	Menteri Kementerian Kerja Raya		
4.	YB Datuk Dr. Joachim Gunsalam Timbalan Ketua Menteri III/ Menteri Kementerian Pembangunan Perindustrian	Ahli	ADUN Kundasang (N.36)
9. PIHAK BERKUASA WILAYAH PEMBANGUNAN ISKANDAR (IRDA)			
BIL.	NAMA	JAWATAN	PARLIMEN/DUN
3.	YAB Dato' Sri Ismail bin Yaakob Perdana Menteri	Pengerusi	Ahli Parlimen Bera (P090)
4.	YAB Dato' Ir. Haji Hasni bin Haji Mohammad Menteri Besar Johor	Ahli	ADUN Benut (N53)
10. LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN (FELDA)			
BIL.	NAMA	JAWATAN	PARLIMEN/DUN
4.	YB Dato' Seri Idris bin Jusoh	Pengerusi	Ahli Parlimen Besut (P033)
5.	YB Tuan Haji Rasman bin Haji Ithnain	Ahli	ADUN Sedili (N.36)
6.	YB Dato' Haji Nazri bin Ngah	Ahli	ADUN Pulau Tawar (N.11)
11. LEMBAGA PEMBANGUNAN KORIDOR WILAYAH (RECODA)			
BIL.	NAMA	JAWATAN	PARLIMEN/DUN
2.	YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg Ketua Menteri Sarawak	Pengerusi	ADUN Satok (N.8)
3.	YB Datuk Amar Douglas Uggah Anak Embas Timbalan Ketua Menteri, Menteri Kewangan Kedua, dan Menteri Pemodenan Pertanian, Tanah Adat Dan Pembangunan Wilayah	Ahli	ADUN Bukit Saban (N.37)
4.	YB Tan Sri Datuk Amar Dr. James Jemut Anak Masing Timbalan Ketua Menteri, dan Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan	Ahli	ADUN Baleh (N.64) (Telah meninggal dunia pada 31.10.2021)
5.	YB Datuk Amar Haji Awang Tengah bin Ali Hasan Timbalan Ketua Menteri, Menteri Pembangunan Bandar Dan Sumber Asli Kedua, dan Menteri Perdagangan Antarabangsa Dan Industri, Terminal Perindustrian Dan Pembangunan Usahawan	Ahli	ADUN Bukit Sari (N.82)

NO SOALAN : 90

6.	YB Dato' Sri Mustapa Mohamed Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi)	Ahli	Ahli Parlimen Jeli (PO30) ADUN Ayer Lanas (N.37)
12. PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA (NCIA)			
BIL.	NAMA	JAWATAN	PARLIMEN/DUN
5.	YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob Perdana Menteri	Pengerusi	Ahli Parlimen Bera (P090)
6.	YAB Dato' Seri Haji Muhammad Sanusi bin Md. Nor Menteri Besar Kedah	Ahli	ADUN Jeneri (N.24)
7.	YAB Dato' Haji Saarani bin Mohamad Menteri Besar Perak	Ahli	ADUN Kota Tampan (N.04)
8.	YAB Tuan Chow Kon Yeow Ketua Menteri Pulau pinang	Ahli	ADUN Tanjong (P049)
9.	YAB Dato' Seri Azlan bin Man Menteri Besar Perlis	Ahli	ADUN Bintong (N.6)
10.	YB Dato' Sri Mustapa Mohamed Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi)	Ahli	Ahli Parlimen Jeli (P030) ADUN Ayer Lanas (N.37)
13. MAJLIS PEMBANGUNAN WILAYAH EKONOMI PANTAI TIMUR (ECERDC)			
BIL.	NAMA	JAWATAN	PARLIMEN/DUN
1.	YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob Perdana Menteri	Pengerusi	Ahli Parlimen Bera (P090)
2.	YAB Dato' Bentara Kanan Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Yakob Menteri Besar Kelantan	Ahli	ADUN Pasir Pekan (N.03)
3.	YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar Menteri Besar Terengganu	Ahli	ADUN Ru Rendang (N.19)
4.	YAB Dato' Sri Wan Rosdy bin Wan Ismail Menteri Besar Pahang	Ahli	ADUN Jelai (N.02)
5.	YAB Dato' Haji Hasni bin Mohammad Menteri Besar Johor	Ahli	ADUN Benut (N.53)
6.	YB Dato' Sri Mustapa Mohamed Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi)	Ahli	Ahli Parlimen Jeli (P030) ADUN Ayer Lanas (N.37)

SENARAI KEANGGOTAAN AHLI PARLIMEN SEBAGAI ALP BAGI BADAN BERKANUN/SYARIKAT/YAYASAN DI BAWAH SELIAAN KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

BADAN BERKANUN

14. LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM) (WAKIL ALUMNI)			
BIL.	NAMA	JAWATAN	PARLIMEN/DUN
1.	YB Datuk Seri Hj. Md. Alwi bin Hj. Che Ahmad	Ahli	ADUN Kok Lanas (N.25)
15. LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN (UNISZA) (WAKIL BERPENGETAHUAN & BERPENGALAMAN)			
BIL.	NAMA	JAWATAN	PARLIMEN/DUN
1.	YB Senator Dato' Haji Husain bin Awang	Ahli	
16. LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM)			
BIL.	NAMA	JAWATAN	PARLIMEN/DUN
1.	YB Senator Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri	Pengerusi	
17. LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI) (WAKIL MASYARAKAT)			
BIL.	NAMA	JAWATAN	PARLIMEN/DUN
1.	YB Encik Mohd Zaidi bin Aziz	Ahli	ADUN SLIM

SENARAI KEANGGOTAAN AHLI PARLIMEN SEBAGAI ALP BAGI BADAN BERKANUN/SYARIKAT/YAYASAN DI BAWAH SELIAAN KEMENTERIAN KEWANGAN

BADAN BERKANUN

18. LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI (LADA)			
BIL.	NAMA	JAWATAN	PARLIMEN/DUN
1.	YAB Dato' Seri Haji Muhammad Sanusi bin Md Nor	Pengerusi Bersama	ADUN Jeneri (N.24)

**SENARAI KEANGGOTAAN AHLI PARLIMEN SEBAGAI ALP BAGI BADAN
BERKANUN/SYARIKAT/YAYASAN DI BAWAH SELIAAN KEMENTERIAN KEWANGAN**

SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN (GLC).

Selaras dengan keperluan Akta Syarikat 2016, setiap calon Ahli Lembaga Pengarah termasuk pelantikan ahli politik bagi semua syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) perlu melalui beberapa tapisan antaranya tapisan keutuhan yang dijalankan oleh pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), semakan kebangkrapan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia (JIM) dan semakan tindakan undang-undang oleh Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP) sebagai prosedur (*requirement*) sebelum dilantik. Pelantikan semua Ahli Lembaga Pengarah syarikat di bawah MKD adalah selaras dengan peruntukan seksyen 213(1) & (2) Akta Syarikat 2016. Sehingga bulan Disember 2021, terdapat seramai 31 orang lantikan politik dalam syarikat-syarikat MKD pegangan majoriti.

Sekian, terima kasih.